

BAB 3

METODOLOGI

3.0 Pendahuluan

Trudgill (1974:172) dalam pernyataannya berpendapat bahawa kajian terhadap fenomena perlakuan bahasa di dalam sesuatu komuniti, menurut perspektif sosiolinguistik memerlukan penggunaan metodologi empirikal iaitu kajian lapangan di mana penglibatan diri pengkaji bahasa dalam komuniti bahasa yang dikajinya adalah penting. Bab ini menerangkan bagaimana kajian lapangan dijalankan sebagai salah satu kaedah penyelidikan bagi tujuan persampelan dalam kajian ini. Selain daripada itu, bab ini juga menerangkan latarbelakang informan, persampelan, instrumentasi, transkripsi data, terjemahan data dan kaedah menganalisa data.

3.1 Kaedah Penyelidikan

Kaedah penyelidikan yang digunakan dalam menjalankan kajian ini adalah berbentuk kajian lapangan di mana analisis data dijalankan secara kualitatif dan kuantitatif. Kajian lapangan melibatkan temubual yang

direkodkan menerusi pemerhatian dan rakaman. Temubual dengan informan adalah secara informal yang melibatkan topik-topik berkaitan dengan kehidupan seharian mereka, samada yang telah berlalu mahupun semasa.

Meskipun rakaman temubual dibuat dengan pengetahuan informan, penulis bagaimanapun tidak menyediakan soalan-soalan tertentu terlebih dahulu tetapi sebaliknya mengemukakannya secara spontan sahaja bersesuaian dengan konteks atau dunia informan itu sendiri. Ini adalah untuk menjamin keselesaan serta keaslian perbualan informan dalam usaha memperolehi dan mengumpul data-data linguistik bagi tujuan analisa data.

3.1.1 *Informan*

Informan dalam kajian ini adalah terdiri daripada bekas-bekas pelajar universiti dan bekas-bekas pelatih di bawah program Dasar Pandang ke Timur. Bekas-bekas pelajar tersebut adalah mereka yang telah menjalani pengajian di universiti-universiti Jepun dan telah tinggal di sana untuk suatu jangkamasa yang agak lama sehingga tamat pengajian, iaitu selama empat tahun dan lebih. Manakala bekas-bekas pelatih pula adalah kebanyakannya terdiri daripada kakitangan kerajaan yang berkursus di agensi-agensi berkaitan Jepun untuk

suatu jangkamasa yang pendek, iaitu antara tiga hingga empat bulan.

Dari segi latarbelakang, informan-informan ini pada keseluruhannya adalah kalangan mereka yang pernah menjalani kursus bahasa Jepun secara intensif di institusi pengajian tinggi Malaysia sebelum berlepas ke Jepun. Bekas-bekas pelajar lazimnya telah diberi kursus intensif selama satu setengah tahun manakala bekas-bekas pelatih pula cuma enam bulan sahaja. Walaubagaimanapun, tempoh masa sekembalinya informan-informan dari Jepun ini adalah agak berbeza, dengan yang paling lama adalah lebih sepuluh tahun yang lalu dan yang paling terbaru adalah beberapa bulan sahaja.

Dalam menjalankan kajian ini, penulis telah membahagikan informan-informan kepada empat kategori yang berlainan menurut tempoh atau jarak masa sekembalinya mereka dari Jepun. Kategori pertama dan kedua iaitu kategori-kategori A1 dan A2, masing-masing terdiri daripada bekas-bekas pelajar universiti yang telah kembali ke Malaysia sejak kurang daripada lima tahun dan lebih daripada lima tahun yang lalu. Manakala kategori ketiga dan keempat iaitu kategori-kategori B1 dan B2 pula adalah merupakan bekas-bekas pelatih dengan tempoh masa sekembalinya dari Jepun adalah masing-masing kurang daripada lima tahun dan lebih daripada lima tahun yang lalu.

Jumlah informan bagi setiap kategori tersebut di atas adalah seramai empat orang dan menjadikan jumlah keseluruhan informan adalah seramai enambelas orang. Daripada enambelas orang informan ini, sebelas orang daripada mereka adalah wanita, dan lima orang yang lainnya adalah lelaki. Informan-informan ini berada di dalam lingkungan umur di antara 25 tahun hingga 45 tahun. Jadual 3.1 adalah ringkasan mengenai latarbelakang informan-informan ini berdasarkan kategori masing-masing.

Jadual 3.1 Latarbelakang Informan-informan Berdasarkan Kategori-kategori A1, A2, B1 dan B2

No.	Bekas pelajar/ pelatih	Kategori	Tempoh masa sekembali dari Jepun	Jantina (no.)	Lingkungan umur (tahun)
1	Bekas pelajar	A1	< 5 tahun	Wanita (1) Lelaki (3)	25 – 30
2	Bekas pelajar	A2	> 5 tahun	Wanita (4)	30 – 40
3	Bekas pelatih	B1	< 5 tahun	Wanita (4)	25 – 30
4	Bekas pelatih	B2	> 5 tahun	Wanita (2) Lelaki (2)	35 – 45

3.1.2 *Persampelan*

Dalam usaha mengumpul data-data linguistik dalam kajian ini, penulis telah melakukan beberapa temubual dengan informan. Temubual yang melibatkan informan dengan penulis sendiri ini mengambil tempat samada di kediaman informan sewaktu majlis keramaian, di tempat kerja informan sewaktu rehat tengahari atau sewaktu makan bersama informan di restoran. Demi untuk mengelakkan sebarang prasangka, lazimnya penulis akan meminta izin terlebih dahulu daripada informan untuk merakamkan temubual tersebut.

Daripada sejumlah duabelas temubual yang telah dirakam oleh penulis, lapan puluh enam situasi perbualan telah dipilih sebagai sampel bagi kajian ini. Walaubagaimanapun, data-data yang kurang relevan atau yang kurang jelas bunyinya kerana terdapat gangguan bising dan sebagainya tidak dipilih. Ini adalah untuk menjamin kejutuan hasil analisis data yang dijalankan dalam kajian ini.

3.1.3 *Instrumentasi*

Rakaman temubual dilakukan dengan menggunakan alat perakam kecil iaitu *mini cassette-recorder*. Tempoh rakaman bagi setiap perbualan pula

memakan masa di antara selama lebihkurang tigapuluh minit hingga lebih daripada satu jam bergantung kepada konteks dan topik perbualan serta kesediaan masa informan. Selain daripada ini, cara berinteraksi serta gerakbadan informan sewaktu perbualan adakalanya turut dirakamkan dengan menggunakan *digital camera* berkuasa rendah. Rakaman video menggunakan *digital camera* berkuasa rendah ini walaubagaimanapun hanya mampu merakam untuk beberapa minit sahaja bagi setiap rakaman.

Berdasarkan pemerhatian yang dibuat, hasil rakaman video bagi tujuan ini didapati agak kurang memuaskan kerana kebiasaannya informan agak kaku dan tidak selesa apabila mengetahui gerakgeri mereka dirakam sewaktu perbualan. Malah suasana tempat sewaktu rakaman diambil seperti keadaan restoran yang kurang terang dan sebagainya turut mempengaruhi mutu hasil rakaman video.

3.1.4 *Transkripsi Data*

Bagi tujuan analisis data, rakaman perbualan dimainkan semula beberapa kali dan kemudiannya ditranskripsikan ke versi rumi. Manakala bagi ujaran-ujaran bahasa Jepun, penulis telah mengolah suatu sistem bagi

memudahkan kerja-kerja transkripsi dijalankan di mana ejaan bagi perkataan-perkataan bahasa Jepun dengan bunyi panjang ditulis berdasarkan huruf dalam bahasa Jepun itu sendiri seperti とけい (watch) ejaannya adalah *tokei* dan bukannya *tokee*, atau ひこうき (airplane) ejaannya adalah *hikouki* dan bukannya *hikooki* atau こおり(ice) ejaannya adalah *koori*, manakala perkataan yang dihubungkan dengan tanda sempang dibunyikan sebagai satu perkataan seperti そうですね (yes, it is/ that's right) ditulis seperti *sou-desu-yo*. Kesemua ujaran-ujaran bahasa Jepun ini dibuat dalam bentuk tulisan *italic* untuk membezakannya.

Selain daripada ini, transkripsi yang telah dirumikan ini juga ditandakan dengan menggunakan simbol-simbol tertentu seperti sebutan panjang, berhenti sebentar, berhenti lama, sampukan, ujaran tidak jelas, sampukan ataupun dengan simbol-simbol paralinguistik untuk membayangkan perlakuan informan sewaktu berbual seperti tersenyum, ketawa dan sebagainya. Simbol-simbol ini adalah berdasarkan Roslina Mamat (1999) yang juga telah merujuk kepada tesis Ghazali (1997). Simbol-simbol tersebut adalah seperti berikut;

(...)	:	ujaran yang tidak jelas
(())	:	paralinguistik
()	:	diam
::	:	sebutan panjang
/	:	berhenti sebentar
//	:	berhenti lama
=	:	sampukan

3.1.5 *Terjemahan Data*

Penulis menterjemah ujaran-ujaran bahasa Jepun dan bahasa Inggeris yang telah ditranskripsikan ke versi rumi itu ke bahasa Melayu. Manakala ujaran bahasa Jepun yang tertentu iaitu aizuchi (あいづち, frequent response) seperti *ah sou*, *naru hodo*, *ee*, *un* dan sebagainya yang sesekali terdapat dalam sesuatu perbualan turut diterjemahkan ke bahasa Melayu yang sesuai. Menurut Osamu Mizutani & Nobuko Mizutani (1987), ujaran –ujaran sebegini lazimnya dilakukan oleh pendengar untuk menunjukkan reaksi mereka sedang mengikuti sesuatu perbualan yang disampaikan oleh penutur.

3.1.6 *Kaedah Menganalisa Data*

Daripada kajian berkaitan yang terdahulu, kajian ini akan menggunakan fungsi-fungsi komunikasi penukaran kod seperti yang digariskan oleh pengkaji seperti Gumperz (1977), Kachru (1983), Rayfield (1970) dan Poplack (1988) untuk mengesan bentuk-bentuk penukaran kod dan seterusnya menginterpretasikan makna-makna sosial (*social meanings*) di sebaliknya penukaran kod yang terdapat dalam data yang terkumpul.

Data-data linguistik yang telah ditranskripsikan yang mengandungi ujaran-ujaran bahasa Jepun ini kemudiannya dianalisa dan diinterpretasi berdasarkan gabungan fungsi-fungsi komunikasi seperti yang telah dibincangkan sebelum ini di dalam Bab 2 untuk mendapatkan makna-makna sosial di sebalik penukaran kod yang berlaku. Penulis juga dalam masa yang sama akan mengenalpasti tahap penukaran kod yang berlaku samada pada perkataan, frasa, klausa atau ayat.

Gabungan fungsi-fungsi komunikasi berjumlah sebanyak tigabelas fungsi yang digunakan dalam kajian ini adalah terdiri daripada:-

(a) petikan, kata seruan, pengulangan, kecekapan mesej, keperibadian lawan keobjektifan, spesifikasi pesapa – Gumpertz (1977)
(b) ungkapan kemudahan – Poplack (1988)
(c) penekanan untuk menandakan perbezaan, sikap menghormati, pengelakan tanda, perubahan topik – Rayfield (1970)
(d) pengenalan peranan, pengenalan daftar – Kachru (1983)

Meskipun kajian ini satu kajian yang berupa kajian kualitatif, penulis akan juga melihat secara kuantitatif frekuensi bentuk-bentuk penukaran kod yang berlaku menurut fungsi-fungsi komunikasinya serta tahap penukaran kod yang berlaku berdasarkan analisis data yang terkumpul. Ini adalah untuk mendapatkan gambaran yang jelas akan fenomena penukaran kod yang berlaku di kalangan bekas-bekas pelajar serta pelatih-pelatih Jepun ini.

3.2 Kesimpulan

Bab ini telah menerangkan kaedah penyelidikan yang digunakan dalam kajian iaitu dalam bentuk kajian lapangan di mana telah diterangkan kaedah yang digunakan dalam usaha mengumpul data-data linguistik iaitu

melalui kaedah temubual, pemerhatian dan rakaman. Hanya data-data linguistik yang relevan dan baik sahaja yang dipilih melalui persampelan kerana ia kelak akan mempengaruhi hasil analisis data yang didapati. Bagi transkripsi data, versi rumi secara keseluruhannya telah digunakan dan satu sistem bagi memudahkan kerja-kerja transkripsi dijalankan diolah. Ujaran-ujaran bahasa Jepun dan bahasa Inggeris juga telah diterjemahkan ke bahasa Melayu. Kemudian kaedah menganalisa data juga diterangkan.